



KERAJAAN MALAYSIA

**Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan
Bagi Pemandu Kepada Anggota Pentadbiran Dan
Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred JUSA B Dan
Ke Atas Serta Juruiring/Pengiring Rapat/
Pengawal Peribadi**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM	2
WP 1.6 Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan Bagi Pemandu Kepada Anggota Pentadbiran Dan Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred Jusa B Dan Ke Atas Serta Juruiring/Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi.....	2

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**WP 1.6 Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan Bagi Pemandu Kepada Anggota Pentadbiran Dan Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred JUSA B Dan Ke Atas Serta Juruiring/Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi**

1. Setelah mengambil kira pelbagai aspek, khususnya kebajikan Pemandu, Perbendaharaan bersetuju supaya pemandu kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi JUSA B dan ke atas serta setaraf adalah layak membuat tuntutan perjalanan dari rumah pemandu ke rumah pegawai pada setiap hari bertugas seperti berikut:
 - 1.1 tuntutan elaun perjalanan kenderaan yang dibenarkan adalah dari rumah pemandu ke rumah pegawai pergi/balik;
 - 1.2 tuntutan perjalanan adalah mengikut kelayakan pemandu seperti yang ditetapkan di bawah pekeliling bertugas rasmi yang sedang berkuat kuasa termasuk tuntutan bayaran tol;
 - 1.3 pemandu hendaklah menggunakan kenderaan sendiri dan tuntutan tambang teksi hanyalah bagi hari tertentu sahaja yang tidak dapat dielakkan seperti pada hari hujan, kenderaan pemandu mengalami kerosakan atau keadaan lain di luar kawalan pemandu; dan
 - 1.4 tuntutan pemandu ke rumah pegawai hendaklah berdasarkan laluan lazim dan terdekat.
2. Ketua Jabatan hendaklah memastikan dan mengesahkan bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh pemandu adalah teratur, munasabah dan berpatutan.
3. Selain itu, kelulusan ini juga dipanjangkan kepada:
 - 3.1 pemandu kepada Anggota Pentadbiran;
 - 3.2 pemandu jabatan yang diarah menggantikan pemandu Anggota Pentadbiran dan Pegawai Pengurusan Tertinggi Kerajaan Gred JUSA B dan ke atas serta yang setaraf dengan syarat mendapat arahan bertulis daripada Ketua Jabatan; dan
 - 3.3 Juruiring/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi kepada Anggota Pentadbiran dan pegawai yang layak mendapat Juruiring/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi.
4. Di samping itu, Perbendaharaan juga bersetuju memberi kelulusan khas supaya bayaran tuntutan perjalanan kepada pegawai di atas yang tidak teratur sebelum ini tidak perlu dikutip balik.